

Headline	Harga kelapa turun 25 sen sebiji		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	25 May 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	214,000
Page No	56	Readership	642,000
Language	Malay	ArticleSize	181 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,334
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,001



Harga kelapa turun 25 sen sebiji

Batu Pahat: Harga kelapa mencatat penurunan 25 sen sebiji sepanjang Ramadan dan menjelang Aidilfitri kali ini, berikutan kemasukan banyak kelapa dari Indonesia.

Pengurus Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Batu Pahat Musa Abdul Kahar berkata, penurunan harga kelapa disebabkan kemasukan kira-kira tiga juta biji kelapa import bersamaan 3.3 juta tan dari Indonesia ke

dalam negara sempena musim perayaan kali ini di samping kelapa tempatan yang kini mengeluarkan hasil.

Menurutnya, penurunan harga kelapa di pasaran sepanjang Ramadan dan Aidilfitri jarang berlaku sebelum ini terutama menjelang musim perayaan berikutan permintaan tinggi.

“Penurunan harga kelapa di pasaran berkenaan sepatutnya bermula awal Ramadan berikutan kemasukan kelapa import secara be-

sar-besaran bagi menstabilkan, harga selain memenuhi permintaan menjelang musim perayaan.

“Ini bermakna harga sebiji kelapa sepatutnya antara RM1.80 sehingga RM2.20 di pasaran berbanding antara RM2.80 sehingga RM3 sebiji sepanjang Ogos 2017 hingga Januari lalu.

“Ketika itu musim kelapa melawas (tidak berbuah) di samping kekurangan permit import (AP) kelapa dikeluarkan,” katanya.



PEKERJA memunggah buah kelapa import daripada bot untuk diagihkan ke seluruh negara.